

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

21. Adakah terdapat cadangan Kerajaan Negeri untuk menubuhkan sebuah Akademi Kepimpinan untuk belia di Negeri Pulau Pinang?

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. Pada masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menubuhkan Akademi Kepimpinan untuk belia di Negeri Pulau Pinang. Cadangan tersebut akan dipertimbangkan sekiranya terdapat keperluan pada masa hadapan dan tertakluk kepada kedudukan kewangan Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui MMK Belia dan Sukan sedang dan telah bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) serta pertubuhan-pertubuhan belia untuk melaksanakan pelbagai program berkaitan kepimpinan untuk belia seperti berikut:

- (a) Bengkel Demokrat Muda;
- (b) Sidang Muda;
- (c) Majlis Persidangan Mahasiswa Pulau Pinang;
- (d) Bengkel Penerokaan Kerjaya;
- (e) Pertandingan Perbahasan Piala “Belia Untuk Masa Depan”;
- (f) Program Sukarelawan Belia Pulau Pinang;
- (g) *Youth Leadership Training & Workshop*; dan

(h) *EQ Mindfulness for Leadership and Performance.*